

SEBAHAGIAN pembeli yang hadir pada Majlis Kesyukuran Taman Nuri Indah, Kampung Olak Lempit, semalam.



Ada CF tak layak huni

■ 2,500 pembeli tidak boleh masuk rumah kerana tanah dirampas kerajaan Selangor

Oleh Hayati Ibrahim

ya_t@hmetro.com.my

Kuala Langat

T indakan kerajaan Selangor merampas tanah di Bandar Alam Perdana, Ijok, di sini, menyebabkan 2,500 pembeli tidak dapat menduduki rumah mereka walaupun sudah mendapat sijil layak menduduki (CF), akhir Disember lalu.

Projek yang mengandungi 20 blok rumah kos rendah dan sederhana itu terbengkalai sejak 2001 sebelum diambil alih Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB) untuk membaik pulih rumah berkenaan dengan kos RM160 juta.

Bagaimanapun, apabila CF diperoleh, kerajaan ne-

geri menghalang SPNB menyerahkan kunci dengan alasan tanah tapak rumah sudah dirampas kerana pemilik asal tanah tidak membayar cukai tanah.

Pengarah Urusan SPNB Datuk Dr Kamarul Rashdan Salleh berkata, tanah berkenaan dirampas pada tahun lalu ketika kerja membaik pulih projek itu dijalankan SPNB melalui dana yang disalurkan Kerajaan Persekutuan untuk membantu rakyat.

"Kami faham kerajaan negeri ada kuasa untuk merampas tanah, tetapi projek itu sedang dibaik pulih kerajaan (Persekutuan), sepatutnya mereka (kerajaan negeri) beri ke-longgaran...lainlah kalau

projek tidak dibaik pulih.

"Mereka (kerajaan Selangor) sudah tahu kerajaan Persekutuan sedang membaik pulih, kenapa merampas tanah dan menyusahkan pembeli, mereka tidak boleh masuk rumah."

"Sekarang kita tak boleh buat apa-apa kerana dapat arahan jelas dari kerajaan negeri, tidak boleh serah kunci dengan alasan mereka pemilik tanah itu dan berhak bila nak menyerahkan kunci," katanya pada sidang media selepas Majlis Kesyukuran Taman Nuri Indah, Kampung Olak Lempit di sini, semalam.

Turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dengkil Datuk Marsum Paing dan wakil penduduk, Jamaludin Hashim.

Projek pembinaan Taman Nuri Indah diambil alih SPNB mulai 2009 selepas pemaju gagal menyiap projek 54 rumah yang membabitkan kos RM5 juta untuk membina yai kos perbaiki dan menyiapkan struktur serta menye-diakan

kemudahan asas seperti jalan raya dan landskap.

Dr Kamarul Rashdan berkata, kes sama berlaku di Taman Khalid Al-Walid, Seksyen 30, Shah Alam, apabila kerajaan negeri mengeluarkan peraturan baru dengan membawa projek itu kepada Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) terlebih dulu sebelum mengeluarkan CF.

Katanya, sekiranya MTES luluskan baru Majlis Perbandaran Shah Alam (MPSA) boleh mengeluarkan CF, sedangkan pihak berkuasa berkenaan sudah setuju untuk mengeluarkan sijil terbabit.

Menurutnya, tindakan itu menjelaskan 46 pembeli rumah dan menyebabkan mereka perlu menunggu lebih lama walau-pun projek berkenaan sudah dibaik pulih SPNB dengan kos 13.9 juta selepas terbengkalai sejak 2005.

Beliau berkata, masalah birokrasi dan perkara seumpama itu menyebabkan usaha Kerajaan Persekutuan membantu rakyat dengan melabur jutaan ringgit terganggu.

"Pembeli tidak boleh salahkan Kerajaan Persekutuan atau SPNB kerana kita sudah melaksanakan tanggungjawab untuk membaik pulih rumah mereka, cuma rasa tak gembira...walaupun kita sudah boleh cuci tangan, tetapi kita tak gembira kerana rumah tidak boleh diserahkan kepada pembeli."

"Ini kerana kita bukan saja membaik pulih rumah tetapi memastikan rumah itu diserahkan kepada pembeli. Jadi kita harap kerajaan negeri dapat memberikan pertimbangan, fikirkan harapan dan kehendak pembeli yang sudah menunggu," katanya.

DR Kamarul (kanan) berbincang dengan Marsum (tengah).

